



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, 21 Mei 2026.

Untuk Terbitan Media
21 Mei 2026

SIARAN MEDIA

BULAN PEMUTIHAN PERKESO: PELUANG MAJIKAN TAMPIL TANPA DIKENAKAN TINDAKAN

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengumumkan pelaksanaan Bulan Pemutihan yang akan berlangsung sehingga 22 Jun ini untuk majikan baharu tampil mendaftar dan mencarum pekerja secara sukarela, tanpa berdepan sebarang tindakan perundangan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata majikan yang berbuat demikian akan diberi pengecualian daripada kompaun, pendakwaan dan Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB).

Katanya, peluang keemasan selama sebulan itu wajar dimanfaatkan kerana hasil penelitian semasa PERKESO mendapati kadar ketidakpatuhan dalam kalangan majikan adalah sekitar 26 peratus.

"Mengikut perangkaan sehingga April lalu, terdapat 915,616 majikan berdaftar dan beroperasi secara aktif, tetapi hanya 74 peratus atau 677,556 majikan yang mencarum pekerja masing-masing.

"Justeru, *non-compliance* atau ketidakpatuhan dalam kalangan majikan ketika ini adalah sekitar 26 peratus atau 238,060 majikan," katanya pada sidang media pelancaran Bulan Pemutihan, di Ibu Pejabat PERKESO, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Dr. Mohammed Azman berkata rekod Ops Kesan Kebangsaan saban tahun pula menyaksikan kadar pekerja yang tidak mencarum dengan PERKESO masih kekal antara 19 hingga 21 peratus.

Tegasnya, segelintir majikan didapati masih degil dan culas dalam menyempurnakan hak pekerja meskipun caruman PERKESO adalah potongan caruman berkanun yang diwajibkan mengikut peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

"Dalam erti kata lain, menerusi Ops Kesan, daripada lima pekerja yang diperiksa, ada seorang tidak mencarum dengan PERKESO," katanya.

Menyentuh senario perlindungan bagi pekerja asing, Dr. Mohammed Azman menjelaskan rekod PERKESO bagi tempoh 2019 hingga terkini menyaksikan 495,380 tenaga buruh asing mempunyai rekod pendaftaran tetapi tiada caruman.

Beliau mendedahkan bahawa lima lokaliti yang dikesan menggajikan pekerja asing tanpa rekod caruman dengan PERKESO ialah di Selangor sebanyak 37 peratus, disusuli Kuala Lumpur (22 peratus), Johor (10 peratus), Sarawak (enam peratus) dan Pulau Pinang (empat peratus).

“Dari segi sektor pula, pembinaan adalah tertinggi iaitu 21.4 peratus, diikuti pembuatan (20.9 peratus); perkhidmatan lain (12.6 peratus); Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (9.1 peratus) serta Peruncitan (5.3 peratus).

“Perkhidmatan lain ini meliputi antara lain sektor penyelenggaraan barang kegunaan rumah, kenderaan, alat muzik, sukan dan sebagainya,” katanya.

Sementara itu, Dr Mohammed Azman memaklumkan, tahun ini PERKESO bakal memfokuskan penguatkuasaan kepada dua sektor baharu iaitu penjaja dan pekerja gig.

Katanya, hal itu kerana kedua-duanya merupakan sektor mandatori untuk mencarum PERKESO, selari warta kerajaan yang dikuatkuasakan sebelum ini.

“Pendekatan kita bagaimanapun ialah ‘soft landing’ setelah mengambil kira kekangan persekitaran ekonomi semasa yang didorong ketidaktentuan global,” katanya.

Untuk rekod, bagi tempoh 2020 hingga 2025, sebanyak 19,190 notis kompaun dikeluarkan, melibatkan nilai keseluruhan RM11.9 juta, manakala 17,686 kes didakwa di bawah LINDUNG Pekerja (Akta 4) dan LINDUNG Kerjaya (Akta 800).

Kegagalan mematuhi kewajipan mendaftar merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan kompaun sehingga RM5,000 bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan.

FCLB pada kadar enam peratus setahun juga boleh dikenakan kepada majikan, selain berdepan tindakan mahkamah yang boleh membawa kepada denda sehingga RM10,000 atau penjara sehingga dua tahun, atau kedua-duanya sekali.

##TAMAT#

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

21 Mei 2026